

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan terkini Jawatankuasa Pemandu yang telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur termasuk jumlah mesyuarat dan sesi konsultasi yang diadakan serta hasil/maklum balas perbincangan. Nyatakan pendirian terkini negeri yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu kaedah pemantauan pelaksanaan program dan tindakan dalam Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pelan. Jawatankuasa Pemandu ini akan melaksanakan fungsinya sepanjang tempoh Pelan tersebut dilaksanakan iaitu mulai tahun 2020 sehingga 2025. Jawatankuasa ini juga perlu bersidang sebanyak dua (2) kali dalam setahun.

Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ini telah bersidang pada 24 Ogos 2020 yang lepas, dan menerusi pemantauan oleh Jawatankuasa Pemandu tersebut terhadap pelaksanaan 58 program dan

SOALAN NO : 31

tindakan yang dirancang, didapati sebanyak 35 program telah bermula, manakala 23 program lagi belum bermula. Antara program dan tindakan yang telah bermula adalah:

- i. pendidikan *Sexual Reproductive Health* (SRH) kepada pelajar melalui program-program di sekolah di bawah anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN); dan
- ii. pendidikan TVET dan program kemahiran kepada kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Pada masa kini, sebanyak tujuh (7) buah negeri telah bersetuju dengan cadangan untuk menaikkan had umur perkahwinan kepada umur 18 tahun, manakala tujuh (7) buah negeri lain masih belum bersetuju.

Dalam hal ini, seperti yang terkandung dalam Pelan dibawah menangani undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun, KPWKM dengan kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengadakan konsultasi penyeragaman umur minimum permohonan kepada 18 tahun dalam Undang-Undang Keluarga Islam bersama tujuh (7) buah negeri tersebut.

Kerajaan melalui agensi pelaksana yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan Kerajaan, Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan NGO juga akan terus memastikan pelaksanaan program dan aktiviti yang digariskan dalam Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur.